

Bil. 1

**Selasa
24 Mac 1998**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 24 Mac 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30
petang****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Mesyuarat*]****PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini, iaitu pada 23 Mac 1998 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan DiRaja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan DiRaja adalah seperti di lampiran]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pengurusan Wang 1998;
2. Akta Kewangan 1998;
3. Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998;
4. Akta Kaunselor 1998;
5. Akta Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1998;
6. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1998;
7. Akta Bernama (Pindaan) 1998;

8. Akta Bil Pertukaran (Pindaan) 1998;
9. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1998;
10. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1998;
11. Akta Tatacara Jenayah (Pindaan) 1998;
12. Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998;
13. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1998;
14. Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1998;
15. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1998;
16. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1998;
17. Akta Perbekalan 1998; dan
18. Akta Perbekalan Tambahan (1997) (No. 2) 1997.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA
KEPADA DEWAN RAKYAT**

“22 Disember 1997.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1998;
2. Rang Undang-undang Pengurusan Wang 1997;
3. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997;
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No. 2) 1997;
5. Rang Undang-undang Bernama (Pindaan) 1997;
6. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1997;

7. Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 1997;
8. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997;
9. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) No. 2, 1997;
10. Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1997;
11. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1997;
12. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1997;
13. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1997;
14. Rang Undang-undang Kaunselor 1997;
15. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997;
16. Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1997;
17. Rang Undang-undang Perbekalan Air (Wilayah Persekutuan) Kuala Lumpur 1997; dan
18. Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997;

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (i) Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru] dari 26 Mac hingga 8 Mei 1998, dan
- (ii) Y.B. Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong] dari 23 Mac 1998 hingga 30 April 1998.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN - PERTANYAAN

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG - PROGRAM MENINGKATKAN BEKALAN MAKANAN NEGARA

1. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Pertanian menyatakan sejak penubuhan LPP dua puluh lima tahun yang lalu sejauh manakah agensi berkenaan berjaya meningkatkan bekalan makanan di negara ini, dan sejauh manakah teknologi dan pengurusan terbaru diamalkan di kalangan petani-petani di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum program pengeluaran bahan makanan merupakan salah satu daripada program yang diwujudkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membangunkan pertubuhan peladang dan ahli-ahlinya. Program ini meliputi pengeluaran bijirin, buah-buahan, sayur-sayuran ternakan dan ternak air.

Pelaksanaan program ini telah berjaya meningkatkan bekalan makanan negara. Umpamanya prestasi isi padu pengeluaran makanan bernilai RM84.50 juta pada tahun 1991 telah meningkat kepada RM574.63 juta dalam tahun 1996, iaitu peningkatan sebanyak 579% atau lebih kurang enam kali ganda dalam masa lima tahun.

Dari segi amalan teknologi terbaru di kalangan petani, Lembaga Pertubuhan Peladang dengan kerjasama jabatan dan agensi yang berkaitan telah memperkenalkan dan meningkatkan penggunaan teknologi-teknologi berikut:

- (a) tanaman tabur terus untuk tanaman padi berkelompok;
- (b) pengguna kejenteraan ladang untuk membajak dan menuai;
- (c) pengguna rumah kalis serangga dan pelindung hujan untuk tanaman sayur-sayuran;
- (d) penggunaan sistem pengairan mikro dan sprinkler di nursery ladang buah-buahan dan sayur-sayuran; dan
- (e) ternakan lembu dan ayam serta ternak air secara pintar, integrasi tanaman kekal dengan ruminan dan intensif.